



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld. XIV (6)

31 Mac 1998

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 6/1998:
Menjaga Kesihatan Pelajar Di Sekolah

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberikan perhatian berat terhadap kepentingan kesihatan dan keselamatan pelajar. Usaha-usaha untuk melindungi, menjaga dan memelihara kesihatan dan keselamatan pelajar hendaklah diberi keutamaan.

2. Kebelakangan ini pelbagai pihak, khususnya ibu bapa, sentiasa peka dan prihatin atas apa jua kejadian yang berlaku di sekolah. Kenaikan harga jualan makanan di kantin sekolah, denggi, tandas kotor dan penderaan murid adalah antara masalah kesihatan yang kerap menjadi isu. Walaupun minat yang ditunjukkan itu adalah positif, bagi tujuan perkembangan pendidikan, namun tanggapan negatif yang kerap menyusulnya boleh menjejaskan imej baik keseluruhan warga pendidik dan profesion keguruan. Segala kejadian yang dilaporkan oleh ibu bapa dapat dielakkan sekiranya pentadbir sekolah dan guru bersikap proaktif, dan bertindak lebih awal menangani perkara-perkara yang boleh dijadikan isu.

3. Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan untuk mengingatkan semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah/Bahagian dan sekolah supaya proaktif dan prihatin terhadap aspek kesihatan pelajar, khususnya yang ada kaitan dengan perkembangan kesihatan rohani, emosi dan sosial mereka. Perkembangan pelajar secara menyeluruh dan bersepadu berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara perlu sentiasa dihayati.

4. Antara tindakan-tindakan yang perlu digerakkan dengan segera adalah:

- 4.1 Elakkan aktiviti yang boleh mendedahkan pelajar, untuk jangka masa yang lama, kepada keadaan cuaca yang boleh menjejaskan kesihatan mereka, seperti jerebu dan cuaca panas.
- 4.2 Pastikan premis dan persekitaran sekolah, termasuk asrama dan kantin, sentiasa dalam keadaan bersih, selesa dan selamat, supaya pelajar tidak dijangkiti penyakit.
- 4.3 Melaporkan semua kes penyakit berjangkit kepada Pejabat Kesihatan yang berhampiran dan tidak membenarkan pelajar yang disahkan menghidapi penyakit berjangkit hadir ke sekolah untuk suatu tempoh yang difikirkan wajar.

- 4.4 Mengawal selia penyediaan dan penjualan makanan di kantin dan asrama supaya kejadian keracunan makanan di sekolah dapat dielakkan.
- 4.5 Mengawasi secara berterusan penjualan makanan di kantin, supaya makanan untuk pelajar mencukupi, harga jualan dipatuhi seperti dalam perianjian, dan sesuai dengan kemampuan perbelanjaan harian pelajar.
- 4.6 Menangani masalah disiplin pelajar dengan mewujudkan persekitaran sosial sekolah yang dapat membantu perkembangan emosi, rohani dan sosial yang sihat.
- 4.7 Menggalakkan penyertaan dan kerjasama ibu bapa, komuniti setempat serta agensi-agensi kesihatan dalam mewujudkan sekolah sihat sesuai dengan konsep dan matlamat Program Bersepadu Sekolah Sihat yang telah dilancarkan oleh Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia pada tahun 1997.
- 4.8 Melaksanakan saranan dan cadangan yang terkandung dalam surat-surat siaran, pekeliling-pekeliling ikhtisas dan buku-buku panduan yang disediakan dan disiarkan dan semasa ke semasa.

i) **Peraturan Pendidikan:**

Federation Of Malaya The Registration Of Schools Ordinance,1950
Schools (General) Regulations 1951

ii) **Surat Pekeliling Ikhtisas:**

- a) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1981
Jualan Makanan Dan Minuman di Kantin-Kantin Sekolah Untuk Murid-Murid Berbilang Agama
- b) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1981
Kebersihan di Sekolah-Sekolah
- c) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/1982
Kempen Anti Denggi Di Sekolah-Sekolah
- d) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1983
Garis Panduan Kempen Anti Merokok di Sekolah-Sekolah
- e) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1983
Kantin Sekolah
- f) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1983
Rancangan Mencantik Dan Mengindahkan Sekolah Dan Kawasannya (Landscaping)
- g) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1988
Penyakit Dernam Kepialu (Tifoid), Taun (Kolera), Penyakit Kuning (HepatitisB), dan Keracunan Makanan.
- h) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1988
Keselamatan Diri Pelajar Di Sekolah
- i) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 15/1988

Penyenggaraan dan keceriaan Maktab Perguruan/Politeknik/
Sekolah

- i) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1989
Rancangan Kesihatan Sekolah
- k) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/1989 Kebersihan Sekolah
- l) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985
Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Jasmani Dan
Kesihatan Serta Kegiatan Kokunkulum Dan Sukan Di Dalam dan
Di Luar Sekolah
- m) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1985
Keracunan Makanan di Sekolah-Sekolah
- n) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1986
Penampilan Diri Pelajar, Kekemasan Kerapian Berpakaian
- n) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1987
Amalan Kebersihan di Sekolah

iii) ***Garis Panduan***

- a) Garis Panduan Kantin Sekolah Cetakan Pertama 1989
- b) Amalan Kebersihan Sekolah - Garis Panduan Cetakan Pertama
1997
- c) Amalan Kebersihan Sekolah - Panduan Aktiviti Cetakan Pertama
1997
- d) Program Bersepadu Sekolah Sihat Cetakan Pertama 1997
- e) Rekod Kesihatan Murid

5. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATUK MATNOR DAIM
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 8. Ketua Unit Perhubungan Awam